

TARIKH	13 / 7 / 2016	SEKSYEN	GLOBAL
MUKA SURAT	54	RUANGAN	

Suspek kes kren tumbang dibicara tidak lama lagi

Suspek, termasuk jurutera dan dua kalkitangan kerajaan akan dibicarakan berhubung kematian 107 orang dalam kejadian kren tumbang di Masjidilharam, Makkah, tahun lalu.

Akhbar Al-Riyadh memetik satu sumber sebagai berkata, penyiasat dan pendakwa raya sudah menamatkan siasatan selama lapan bulan berkait dengan kes itu.

Siasatan dijalankan secara sulit, termasuk menyaoal beberapa suspek.

"Mahkamah kini dalam proses untuk menetapkan tarikh bagi perbicaraan pertama dalam masa beberapa hari lagi selepas hakim mengkaji kes itu," lapor akhbar berkenaan.

Menurutnya, mereka yang akan didakwa, termasuk beberapa jurutera dan dua pegawai jabatan kerajaan

di Makkah.

Ia bagaimanapun tidak menyebut tuduhan yang dikenalpasti atau jumlah mereka yang akan dibicarakan.

Kejadian kren tumbang itu memalukan keluarga diraja Saudi yang menggelar diri mereka penjaga tempat paling suci umat Islam.

Ia serta-merta menggantung khidmat syarikat binaan Kumpulan Saudi BinLadin, kontraktor utama projek pembesaran masjid itu dan mengenakan sekatan perjalanan terhadap eksekutif kanannya.

Larangan itu bagaimanapun ditarik balik tidak lama kemudian.

Kren berkenaan tumbang di Masjidilharam pada September 2015, kurang dua minggu sebelum musim haji bermula. - Reuters